

18 MAR 2000

Mohd Ali-Syarikat

LEBIH 20 SYARIKAT DISENARAI HITAM KERANA SOKONG PEMBANGKANG

MELAKA, 18 Mac (Bernama) -- Kerajaan Negeri telah menyenarai hitam lebih 20 kontraktor yang dikenal pasti menyokong dan memberi peruntukan kepada parti pembangkang ketika pilihan raya umum Nov lepas.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, Kerajaan Negeri juga telah mengedarkan senarai itu kepada semua agensi dan anak syarikatnya bagi mengenakan tindakan.

Beliau berkata, senarai berkenaan juga telah diedarkan kepada agensi Kerajaan Persekutuan di negeri ini bagi memastikan syarikat yang terlibat tidak memperolehi projek yang ditenderkan.

"Kita mahu buktikan bahawa kerajaan yang memerintah sekarang ialah BN oleh itu sebagai kerajaan yang telah diberikan mandat oleh rakyat adalah wajar memberi keutamaan kepada syarikat yang menyokong kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan kayak di Sungai Punggor, Alai di sini, hari ini. Hadir sama ialah Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Amid Nordin.

Menurut beliau, sudah tiba masanya tindakan sedemikian dikenakan terhadap syarikat-syarikat berkenaan seperti yang dilakukan oleh kerajaan Terengganu pimpinan PAS terhadap penyokong Barisan Nasional (BN).

Mohd Ali yang menyifatkan tindakan syarikat berkenaan sebagai tidak "mengenang budi" setelah mendapatkan projek daripada kerajaan tetapi menghina dan memburuk-burukkan pula kerajaan.

Sementara itu, beliau berkata sehingga kini belum ada wakil daripada dua buah bank yang disenarai hitam di negeri ini datang membuat rayuan bagi menjelaskan kedudukan kakitangannya yang menyokong parti pembangkang.

Menurutnya, adalah wajar bagi Kerajaan Negeri untuk tidak berurusan dengan bank berkenaan demi keselamatan dan rahsia yang melibatkan kewangan kerajaan negeri.

"Adalah wajar pihak pengurusan bank mendisiplinkan kakitangan mereka supaya lebih profesional dan bertanggungjawab, tindakan perlu dikenakan kepada mereka yang terlibat demi menjaga nama baik institusi kewangan berkenaan," katanya.

Beliau semalam berkata Bank Islam dan Bank Bumiputera Commerce cawangan negeri ini, dikenal pasti mempunyai kakitangan yang mendedahkan urusan kerajaan di bank-bank itu kepada umum.

Perdana Menteri Dattuk Seri Dr Mahathir pula semalam dilaporkan berkata pengurusan bank "sedikit sebanyak" perlu bertanggungjawab terhadap tindakan pekerja mereka membocorkan urusan pelanggan dengan bank yang dianggap sulit kepada umum.

Mohd Ali juga berharap agensi kerajaan persekutuan di negeri ini seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (Telekom), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perkeso dan Bank Simpanan Nasional (BSN) supaya mengikut tindakan yang dibuat oleh kerajaan negeri.

Ditanya sama ada tindakan Kerajaan Negeri menyenarai hitamkan dua buah bank itu sebagai tindakan yang wajar dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, Mohd Ali berkata : "Kerajaan Negeri sebagai pelanggan berhak untuk memilih mana-mana bank. Itulah proses demokrasi,".

Sebanyak 10 pasukan menyertai pertandingan kayak itu antaranya daripada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dari Lumut di Perak, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Pahang, Perlis, Terengganu, Perak dan Melaka.

-- BERNAMA

MYD PR